

SOALAN NO: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN SIM CHEE KEONG

TARIKH: 3 OGOS 2017

SOALAN:

**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pekerjaan yang diwujudkan antara 2013-2016, jenis industri, negeri, kurungan gaji serta bilangan peluang pekerjaan tersebut yang dipenuhi oleh pekerja imigran.

PR-1352-L02375

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Berdasarkan statistik Jabatan Tenaga Kerja (JTK), bilangan pekerjaan atau kekosongan jawatan aktif yang ditawarkan oleh majikan sejak tahun 2013 adalah sebanyak 166,343 jawatan, 2014 adalah sebanyak 98,286 jawatan, 2015 adalah sebanyak 115,237 jawatan, 2016 adalah sebanyak 133,401 jawatan dan sehingga Julai 2017 adalah sebanyak 159,325 jawatan kosong yang direkodkan. Kebanyakan kekosongan jawatan ini disumbangkan oleh sektor utama seperti pembuatan, pembinaan, pertanian, perladangan, dan perkhidmatan.
2. Peluang pekerjaan dan kekosongan jawatan aktif mengikut negeri sehingga 12 Julai 2017 antaranya ialah Johor (35,678 jawatan), Selangor (29,732 jawatan), Pahang (9,887 jawatan), Pulau Pinang (7,831 jawatan), Kuala Lumpur (6,815 jawatan), Melaka (6,394 jawatan) dan Perak (5,777 jawatan). Purata gaji yang ditawarkan adalah antara RM1000.00 hingga RM5000.00 mengikut jawatan, kelayakan, kemahiran dan pengalaman.
3. Hal ini membuktikan bahawa peluang pekerjaan masih terdapat di negara ini dan perlu dimanfaatkan oleh semua golongan pencari kerja untuk mendapatkan pekerjaan tanpa terlalu memilih jenis pekerjaan. Semua kekosongan yang ditawarkan adalah untuk rakyat tempatan di negara ini dan dalam keadaan yang kritikal dan kategori pekerjaan asas sahaja pekerjaan berkenaan boleh diberikan kepada pekerja migran

tertakluk kepada keperluan sebenar setiap majikan yang memohon pekerja asing dan melalui tapisan agensi kawalan selia yang berkenaan.

4. Bagi memastikan peluang pekerjaan kepada pencari kerja tempatan terjamin, kerajaan hanya membenarkan pekerja asing bekerja dalam sektor dan sub-sektor tertentu sahaja yang telah dikenal pasti kurang diminati oleh pencari kerja tempatan. Oleh yang demikian peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan masih lagi terjamin dalam sektor dan sub-sektor yang tidak dibenarkan atau dibekukan untuk mengambil pekerja asing. Oleh yang demikian, mereka bukanlah pesaing kepada pencari kerja tempatan yang mempunyai sijil kemahiran ataupun pemegang diploma dan ijazah. Oleh demikian, Kerajaan telah menetapkan jumlah pekerja asing tidak melebihi 15% daripada jumlah keseluruhan gunatenaga Negara dalam RMKe 11.